

PEMAHAMAN EKSTREMIS TERHADAP TEKS WAHYU: ANALISIS LINGUISTIK DAN KONTEKSTUAL

Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasinⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin. Emel: muthi@unisiraj.edu.my

ABSTRAK

Kemunculan ekstremisme dalam kalangan umat Islam moden berkait rapat dengan kaedah memahami teks agama, khususnya ayat al-Quran dan teks Hadis. Aliran ini menafsirkan sebahagian ayat al-Quran dan teks Hadis berkaitan jihad dan pemerintahan Islam secara literal sehingga menyebabkan asas keadilan dan rahmat ditinggalkan manakala tindakan kekerasan yang bertentangan dengan prinsip Islam diwajibkan. Kefahaman seperti ini menimbulkan persoalan sama ada muncul disebabkan kaedah pemahaman yang diperselisihkan atau kejahilan dalam memahami teks wahyu menurut kaedah yang ditetapkan ulama muktabar. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara linguistik dan kontekstual beberapa ayat al-Quran dan Hadis yang sering dijadikan sandaran oleh golongan ekstremis, bagi menilai sejauh mana penyimpangan kefahaman berlaku. Pendekatan kajian kualitatif digunakan dengan menganalisis sebahagian ayat al-Quran dan teks Hadis digunakan oleh aliran ekstremisme pada aspek linguistik dan kontekstual. Dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif dan dianalisis menggunakan kaedah triangulasi daripada sumber kitab muktabar. Hasil kajian mendapati kefahaman ekstremisme berpunca daripada kelemahan memahami teks wahyu mengikut garis panduan ditetapkan ulama terutamanya dari sudut struktur Bahasa Arab klasik dan pengetahuan tentang konteks Sunnah. Kesimpulan kajian menjelaskan keperluan memahami linguistik Bahasa Arab secara menyeluruh dan pengetahuan tentang *asbab al-nuzul* dan *asbab wurud al-hadith* dalam memastikan kefahaman diperolehi selari dengan prinsip Islam.

Kata-kata kunci: Ekstremisme, linguistik Arab, prinsip Islam, tafsiran kontekstual, teks wahyu.

PENGENALAN

Pemikiran ekstrem menjadi salah satu ancaman terbesar terhadap umat Islam sejak generasi tabiin sehingga zaman sekarang. Fenomena ini muncul apabila sebahagian umat Islam mentafsirkan teks wahyu sama ada ayat al-Quran mahupun Hadis Rasulullah SAW tanpa mengambil kira aspek Bahasa Arab dan konteks ayat al-Quran dan Hadis sehingga menimbulkan pentafsiran yang membawa kepada tuduhan sesat dan kafir dalam kalangan umat Islam. Perkara yang sama juga menyaksikan pertumpahan darah bukan sahaja dalam kalangan umat Islam, bahkan melibatkan bukan Islam sehingga menimbulkan fenomena Islamfobia dalam kalangan bukan Islam. (Michael Bonner, 2006; David Cook, 2005)

Antara faktor menyumbang kepada pola pemikiran ini ialah kecenderungan memahami teks wahyu secara literal sehingga membawa kepada salah tafsir terhadap konsep jihad, *amar makruf nahi mungkar* dan khilafah, sehingga melahirkan ideologi ekstrem yang mewajarkan keganasan dan permusuhan atas nama

agama. (Wagemakers, 2012) Tindakan ini bukan sahaja menyimpang daripada prinsip Islam yang menegakkan falsafah keadilan ('*adl*) dan kasih sayang (*rahmah*), tetapi juga mencemarkan keindahan ajaran Islam yang menyeru kepada keamanan (*al-amn*) dan kesejahteraan (*al-salam*). (Lakhani et al., 2006)

Dalam dunia moden, kemunculan golongan ekstremis seperti *Islamic State of Iraq and Syira* (ISIS) dan Al-Qaeda berkait rapat dengan pentafsiran literal daripada ayat al-Quran dan Hadis untuk mengabsahkan tindakan kekerasan. Contohnya firman Allah SWT bermaksud: "*Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah ugama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.*" (al-Baqarah, 2:193). Ayat ini dijadikan justifikasi kepada pengisytiharan jihad kepada semua negara bukan Islam dan umat Islam yang bersekongkol dengan mereka, (Bonner, 2006) sedangkan sebab turunnya ayat adalah berkait dengan jihad mempertahankan diri dan tindak balas terhadap penindasan kaum Quraisy ke atas muhajirin sebelum mereka berhijrah ke Madinah. (Ibn Kathir, 1999: 1, 526)

Perbuatan yang sama turut disandarkan kepada Hadis riwayat Ibn Umar RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "*Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasul Allah; serta mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat.*" (al-Bukhari, 2012: *Kitāb al-Īmān*, Bāb *Fa-in tābū wa aqāmū al-ṣalāh wa ātaw al-zakāh fa-khallū sabīlahum*, Hadis no. 25). Salah faham terhadap hadis ini berpunca daripada kegagalan memahami perkataan *hatta* dalam teks Hadis di mana ia bermaksud *li al-ghayah* (sehingga). Memahami maksud perkataan *hatta* dengan betul akan memberikan kefahaman bahawa realiti zaman Rasulullah SAW adalah pertembungan antara orang Islam dan bukan Islam berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada penulisan, dakwah secara lisan dan kaedah lain. Apabila kaedah sedia ada tidak dapat melaksanakan tugas dakwah, pilihan terakhir adalah menyampaikan dakwah melalui jihad. (al-'Abbad, n.d.)

Dua tafsiran di atas menunjukkan kegagalan aliran ekstremisme memahami ayat al-Quran dan Hadis menggunakan konteks dan linguistik bahasa teks wahyu. Kecenderungan untuk mengabaikan konteks sejarah dan sosial ayat memperbesarkan jurang antara kefahaman dikehendaki ayat dan kefahaman diguna pakai aliran mereka. Golongan ekstremisme tidak menjadikan "*asbāb al-nuzūl*" sebagai sandaran sebelum melakukan tafsiran kerana menganggap ayat al-Quran perlu difahami dengan "*ta'abbudī*" semata-mata dan semua perintah datang dalam bentuk umum wajib dilaksanakan tanpa pengecualian. (Calvert, 2018). Dalam contoh pemahaman Hadis di atas pula, ia menunjukkan kejahilan golongan ekstremisme terhadap kaedah memahami teks Arab klasik yang menuntut penelitian terhadap struktur linguistik, morfologi dan semantik. Bahasa Arab sebagai bahasa wahyu memiliki sistem yang kompleks dan lapisan makna (*dalālah*) yang mendalam, di mana perbezaan antara makna literal dan kiasan (*majāzī*) memainkan peranan penting dalam menentukan hukum dan maksud sesuatu teks. Oleh itu, kegagalan menguasai ilmu ini membuka ruang kepada tafsiran yang tersasar daripada prinsip Islam sebenar. (Kamali, 2002)

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sebahagian teks wahyu yang dijadikan justifikasi tindakan golongan ekstremis terhadap sehingga membawa kepada gerakan keganasan, serta bagaimana pendekatan linguistik dan kontekstual dapat mengelakkan salah faham tersebut. Pendekatan ini dapat mengembalikan tafsiran teks wahyu kepada kerangka yang betul berasaskan prinsip Islam dan mengelakkan salah faham yang mengundang kepada imej negatif Islam kepada masyarakat dunia.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini adalah hasil pemerhatian kepada penulisan akademik terdahulu berkaitan keganasan dalam Islam. Tema penulisan terdahulu yang berkait dengan kajian ini dapat dibahagikan kepada dua tema utama:

1. Hubungan antara ideologi ekstremisme dengan kaedah tafsiran teks wahyu.
2. Aplikasi prinsip Islam dalam membetulkan kefahaman teks wahyu.

HUBUNGAN ANTARA IDEOLOGI EKSTREMISME DENGAN KAEDAH TAFSIRAN TEKS WAHYU

Bonner (2006) dalam buku bertajuk *Jihad in Islamic History* menjelaskan konsep jihad dalam Islam telah mengalami evolusi makna daripada perjuangan rohani dan moral kepada pembelaan bersenjata yang dikawal prinsip etika, sebelum kemudian disalah tafsir oleh kelompok moden sebagai peperangan mutlak. Melalui pendekatan sejarah, beliau menegaskan bahawa istilah jihad berbeza secara semantik daripada *qitāl* (pertempuran fizikal dua pihak) dan kekeliruan antara dua istilah tersebut telah membuka ruang kepada penyelewengan ideologi. Bonner menegaskan ayat-ayat jihad seperti ayat 190-193 Surah al-Baqarah dan ayat 5 Surah al-Tawbah mempunyai konteks sejarah khusus yang menolak tafsiran *offensive*, sekali gus menegaskan bahawa Islam mengekang kekerasan dan menuntut keadilan serta *rahmah* dalam peperangan.

Cook (2005) pula menelusuri perkembangan konsep jihad dari zaman Rasulullah SAW hingga era moden dengan menekankan perbezaan antara pemahaman klasik dan tafsiran kontemporari yang bersifat radikal. Beliau berhujah dalam tradisi awal Islam, jihad mencakupi dimensi rohani, moral dan sosial yang berpaksikan kepada keadilan serta pertahanan diri, bukannya seruan kepada kekerasan. Namun, kelompok ekstremis moden seperti Al-Qaeda dan ISIS telah mengubah konsep ini menjadi ideologi militan melalui pembacaan literal terhadap ayat al-Quran dan Hadis jihad tanpa memahami konteks dan sejarahnya. Dengan menganalisis sumber-sumber utama Islam dan propaganda moden, beliau menunjukkan bahawa ekstremisme muncul apabila teks wahyu dipisahkan daripada *maqasid* dan etika peperangan Islam.

Dalam buku bertajuk *Sayyid Qutb and the Origins of Radical Islamism*, Calvert (2018) menganalisis pemikiran Sayyid Qutb sebagai antara sumber utama kemunculan ideologi ekstremisme Islam moden, khususnya melalui karya *Ma'ālim fī al-Ṭarīq* yang menekankan konsep *ḥākimiyyah* (kedaulatan mutlak Allah) dan penolakan terhadap sistem *jahiliyyah* moden. Calvert berhujah walaupun Qutb menulis dalam konteks politik Mesir abad ke-20 yang penuh penindasan, sebahagian pengikutnya kemudian menafsirkan gagasannya secara literal dan ahli revolusi sehingga menjadikan jihad sebagai kewajipan menentang pemerintah dan masyarakat yang tidak berhukum dengan syariat. Kajian ini memperlihatkan bagaimana tafsiran ideologi terhadap teks wahyu tanpa pertimbangan linguistik dan *maqasid* mengubah jihad daripada perjuangan moral kepada seruan kekerasan.

Dalam karya *A Quietist Jihadi: The Ideology and Influence of Abu Muhammad al-Maqdisi*,

Wagemakers (2012) meneliti pemikiran dan pengaruh Abu Muhammad al-Maqdisi, tokoh ideologi utama gerakan Salafi-jihadi yang menjadi rujukan kepada tokoh ekstremis seperti Abu Mus'ab al-Zarqawi. Beliau mendapati al-Maqdisi menafsirkan konsep *tawhīd* dan *al-walā' wal-barā'* secara ekstrem dengan menekankan pemisahan mutlak antara orang Islam dan bukan Islam, di samping menjadikan hadis-hadis jihad sebagai legitimasi bagi perjuangan bersenjata menentang pemerintah yang dianggap *ṭāghūt*. Wagemakers berhujah bahawa walaupun al-Maqdisi menggunakan hujah agama dan hadis sahih, pendekatannya bersifat selektif dan mengabaikan konteks linguistik serta *maqasid* ayat al-Quran dan Hadis yang dipilih.

Kajian-kajian di atas mengukuhkan pandangan pengkaji bahawa salah tafsir terhadap jihad berpunca daripada penolakan prinsip linguistik dan konteks di samping mengabaikan *maqasid* dalam memahami ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Ini membuktikan fahaman ekstremisme berpunca daripada pengabaian aspek linguistik dan konteks wahyu, bukan daripada ajaran Islam itu sendiri.

APLIKASI PRINSIP ISLAM DALAM MEMBETULKAN KEFAHAMAN TEKS WAHYU

Dalam buku bertajuk *Freedom, Equality and Justice in Islam*, Kamali (2002) menegaskan kebebasan, kesamarataan, dan keadilan merupakan prinsip asas Islam yang mesti menjadi kerangka dalam memahami dan menafsirkan teks wahyu. Beliau berhujah setiap perintah dan larangan dalam al-Quran serta Hadis perlu ditafsirkan dengan berpandukan *maqasid* syariah, kerana syariat tidak diturunkan untuk menindas manusia tetapi untuk menegakkan keadilan sejagat ('*adl*) dan menjaga kemaslahatan awam (*maṣlahah*). Kamali menolak pendekatan yang memisahkan teks daripada tujuan syarak, kerana hal ini boleh menyelewengkan makna sebenar wahyu dan menimbulkan tafsiran yang keras atau tidak berperikemanusiaan. Prinsip kebebasan dan keadilan pada beliau bukan hanya nilai etika, tetapi juga asas tafsir yang sahih, di mana pemahaman wahyu mesti mempertimbangkan konteks linguistik, sejarah, dan tujuan hukum.

Saeed dan Saeed (2004) dalam buku bertajuk *Freedom of Religion, Apostasy and Islam*, membincangkan isu kebebasan beragama dan hukum murtad dalam Islam dengan menekankan kepentingan memahami teks wahyu melalui pendekatan linguistik dan kontekstual yang berasaskan *maqasid* syariah. Mereka berhujah banyak kekeliruan terhadap hukum murtad berpunca daripada pembacaan literal terhadap hadis "*Man baddala dīnahu faqtulūhu*" tanpa memahami konteks sejarah dan makna sebenar lafaz *baddala* yang dalam semantik Arab boleh bererti "mengkhianati" atau "menukar kesetiaan", bukan sekadar "meninggalkan agama". Menurut mereka, pentafsiran literal ini bercanggah dengan prinsip kebebasan dan keadilan yang digariskan dalam al-Quran, seperti ayat "*Lā ikrāha fī al-dīn*" (tiada paksaan dalam agama).

Dalam penulisan lain bertajuk *Reading the Qur'an in the Twenty-First Century: A Contextualist Approach*, Saeed (2013) memperkenalkan pendekatan tafsir kontekstual yang menekankan keperluan memahami al-Quran bukan hanya sebagai teks linguistik, tetapi juga sebagai wahyu yang berinteraksi

dengan realiti sosial, budaya, dan sejarah manusia. Beliau berhujah pendekatan literal yang memisahkan teks daripada konteks sejarah penurunannya membawa kepada salah faham terhadap mesej Islam yang bersifat universal dan dinamik. Melalui pendekatan kontekstual, Saeed menekankan tiga dimensi penting dalam memahami teks wahyu; teks, konteks sejarah, dan konteks pembaca moden, bagi memastikan maksud ayat dapat difahami dalam kerangka *maqasid* syariah, bukan sekadar berdasarkan lafaz zahir.

Lakhani (Lakhani et al., 2006) dalam penulisan *The Sacred Foundations of Justice in Islam* turut menegaskan keadilan (*'adl*) dan kasih sayang (*rahmah*) merupakan asas utama ajaran Islam dan kunci dalam memahami serta menafsir teks wahyu. Hukum dan prinsip dalam al-Quran serta Hadis mesti dilihat dalam kerangka keseimbangan antara keadilan hukum dan *rahmah* ketuhanan, kerana tanpa perspektif ini, penafsiran agama mudah berubah menjadi keras dan tidak berperikemanusiaan. Beliau menolak tafsiran literal yang memisahkan teks daripada nilai kerohanian dan etika Islam, serta mengingatkan bahawa maksud wahyu tidak boleh difahami secara zahir tanpa merujuk kepada *maqasid* syariah dan konteks linguistik yang mendasarinya. Melalui analisis mendalam terhadap ayat-ayat keadilan dalam al-Quran, beliau menunjukkan keadilan Islam bukan bersifat retribusi semata-mata, tetapi menuntut keharmonian sosial dan pemeliharaan martabat manusia.

Kajian-kajian di atas menekankan aplikasi prinsip Islam seperti keadilan dan *rahmah* adalah asas mentafsirkan teks wahyu yang dapat membetulkan salah faham ekstremis serta mengembalikan Islam kepada peranan asalnya sebagai agama yang menegakkan kedamaian dan keseimbangan sejagat. Walaupun kajian-kajian ini berjaya menjelaskan akar teoretikal kepada ekstremisme, namun tidak memberi tumpuan terperinci terhadap aspek linguistik Arab dan kontekstual dalam tafsiran teks wahyu yang digunakan oleh golongan ekstremis. Justeru, kajian ini memfokuskan analisis linguistik Arab klasik dengan analisis kontekstual ayat al-Quran dan Hadis bagi meneliti secara mendalam bagaimana penyelewengan makna berlaku menurut kefahaman golongan ekstremis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kajian kepustakaan. Data kajian dilakukan melalui analisis teks terhadap ayat al-Quran dan Hadis yang sering dijadikan sandaran golongan ekstremis. Pemilihan pendekatan ini bersesuaian dengan matlamat kajian yang menumpukan kepada pemahaman makna, struktur linguistik, dan konteks sesuatu teks wahyu, bukan pengukuran statistik atau tinjauan lapangan. (Creswell & Poth, 2018)

Pendekatan kajian ialah analisis linguistik dan kontekstual, disokong dengan triangulasi sumber klasik dan kontemporari. Pendekatan linguistik kajian memberikan tumpuan kepada analisis semantik (*dilalah nahwiyyah*), morfologi (*dilalah sarfiyyah*) dan Balaghah. Dari sudut kontekstual, kajian dilaksanakan melalui analisis sejarah iaitu *asbāb al-nuzūl* dan *asbāb wurūd al-ḥadīth* dengan merujuk kitab tafsir dan syarah hadis klasik dan analisis prinsip Islam melalui aplikasi lima *maqasid* syariah; menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menganalisis lima teks wahyu iaitu tiga ayat al-Quran dan dua Hadis yang sering digunakan golongan ekstremis sebagai justifikasi kepada kekerasan dan ideologi *takfir*. Analisis ini dilakukan melalui dua dimensi utama:

1. Pendekatan linguistik meneliti struktur bahasa dari sudut semantik, morfologi dan Balaghah.
2. Pendekatan kontekstual meneliti sebab penurunan ayat (*asbāb al-nuzūl*), sebab kemunculan hadis (*asbāb wurūd*) dan prinsip *maqasid* syariah dalam memahami teks.

SURAH AL-BAQARAH AYAT 190

Allah SWT berfirman:

Terjemahan: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencerooh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencerooh. (al-Baqarah 2:190)

Golongan seperti ISIS menafsirkan ayat ini sebagai perintah umum untuk memerangi semua orang kafir tanpa syarat berdasarkan maksud umum ayat. Mereka mengabaikan frasa pengikat “*alladhīna yuqātilūnakum*” (mereka yang memerangi kamu), yang secara jelas menghadkan maksud kepada perang mempertahankan diri. (David Cook, 2005)

Dari sudut linguistik, kata kerja perintah *qātilū* berasal daripada perkataan berasal tiga huruf dengan penambahan huruf *alif* antara huruf pertama dan huruf kedua: *qātala*. Imbuan ini membawa maksud *mufā‘alah* (Ibn ‘Uṣfur, 1996: 128) iaitu peperangan melibatkan dua pihak, bukan sebelah pihak sehingga menghalalkan pembunuhan mutlak kepada pihak musuh.

Dari sudut kontekstual, ayat ini diturunkan selepas hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat dari Makkah ke Madinah. Walaupun secara dasar penghijrahan ini berlaku kerana perintah Allah SWT, kaum musyrikin melakukan pengusiran secara halus melalui penyeksaan dan merampas harta kaum muhajirin ditinggalkan di Mekah. (Ibn Kathir, 1999: 1, 524-526) Selain itu, mereka turut mengenakan tekanan ancaman ke atas penduduk Madinah melibatkan pembunuhan dan rampasan harta. (Al-Mubarakfuri, 2002: 177)

Linguistik dan kontekstual ayat menunjukkan ayat di atas memerintahkan umat Islam untuk memerangi golongan yang memerangi Islam sebagai satu bentuk mempertahankan diri melalui penggunaan perkataan *qātilū*. Ini dikuatkan lagi dengan larangan melampaui batas dalam peperangan sehingga melanggar perintah Tuhan. Sebab turun ayat turut menjelaskan perintah berperang dalam ayat datang dalam bentuk *qisas* (membalas mengikut perbuatan) terhadap perbuatan orang musyrikin yang memusuhi umat Islam dan sejajar dengan konsep menjaga agama Islam, menjaga nyawa penduduk Madinah dan mempertahankan harta kaum muslimin. Tafsiran golongan ISIS terhadap ayat telah menghilangkan hikmah utama pensyariatkan perang dinyatakan dalam ayat sehingga perang mempertahankan diri menjadi doktrin pengisytiharan perang secara

melulu tanpa mengambil kira tujuan ayat diturunkan.

SURAH AL-TAWBAH AYAT 5

Allah SWT berfirman:

Terjemahan: Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga keponglaah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya.
(al-Tawbah 9:5)

Ayat ini sering dipanggil “*āyāt al-saif*” (ayat pedang) dan digunakan oleh golongan ekstremis untuk membatalkan ayat-ayat perdamaian dalam al-Quran. Mereka menafsirkan ayat ini sebagai perintah kekal untuk memerangi semua orang bukan Islam. (Bonner, 2006)

Tafsiran di atas menyalahi semantik ayat di mana pengecualian dengan huruf *illa* dinyatakan dalam ayat sebelum iaitu ayat 4 Surah al-Tawbah. Pengecualian daripada pengisytiharan peperangan diberikan kepada golongan yang telah membuat perjanjian dengan Rasulullah SAW di mana mereka mempunyai tempoh masa 4 bulan atau sehingga tamat perjanjian untuk sama memilih sama ada memeluk agama Islam, membayar jizyah, berperang dengan umat Islam atau membawa diri keluar dari Tanah Arab. (Ibn Kathir: 4, 111-112) Pengecualian ini menunjukkan pengisytiharan perang dengan bukan Islam bukanlah sesuatu yang mutlak, sebaliknya masih ada ruang perdamaian, selagi mana tidak menjejaskan maslahat agama Islam dan kaum muslimin.

Dari sudut konteks, sebab turun ayat ialah pengkhianatan perjanjian Hdaybiyyah dari pihak musyrikin Mekah. Justeru umat Islam diizinkan untuk memerangi musyrikin Mekah secara tuntas berasaskan pengkhianatan perjanjian selepas konsep damai yang diaplikasikan melalui perjanjian Hdaybiyyah. (al-Tabari, 2001: 11, 305-307) Konteks ayat menunjukkan pengisytiharan perang secara mutlak hanya diberikan kepada orang bukan Islam yang mengkhianati perjanjian, bukan orang bukan Islam secara mutlak tanpa mengambil kira sebab lain. Peperangan dengan orang bukan Islam perlu meneliti aspek menjaga agama sama ada tertegak melalui peperangan atau tidak.

SURAH AL-NUR AYAT 55

Allah SWT berfirman:

Terjemahan: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh).(al-Nur 24:55)

Ayat di atas dianggap sebagai mandat Ilahi bagi golongan ekstremis menubuhkan negara Islam global atau “khilafah” tunggal. Konsep khilafah ini menekankan hanya pemerintahan tunggal dibenarkan dalam

Islam dan pemerintah Islam lain perlu diperangi sehingga mereka membaiah pemerintah tunggal tersebut. Sistem politik moden yang mengiktiraf ramai orang Islam sebagai pemimpin dianggap bercanggah dengan ayat dan wajib diperangi. (Wagemakers, 2012) Kefahaman ini dilihat seolah-olah selari dengan Hadis Riwayat Abu Said al-Khudri RA, Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: Apabila dibaiah dua orang khalifah, maka bunuhlah khalifah kedua.
(Muslim, *Kitāb al-Imārah*, Bāb *Idhā Būyi ‘a li Khalīfatayn*, Hadis no. 1853)

Jika dianalisis secara linguistik, frasa “*layastakhlifannahum fi al-ard*” berasal daripada akar kata *khalafa*, bermaksud “mengganti” atau “melantik sebagai pimpinan”. (Ibn Manzur, 1414H: 9, 83) Dari sudut semantik, ayat di atas menggunakan huruf ‘*ataf*’ “*wau*” yang mengaitkan antara pemerintahan Islam dengan keamanan. Penegasan menggunakan “*la*” dan “*nun al-tawkīd*” pula memberi penekanan kepada janji Allah SWT yang pasti, bukan perintah wajib untuk mendirikan pemerintahan Islam tanpa mengambil kira faktor lain. (Safi, 1995)

Maksud dari sudut semantik ini selari dengan konteks ayat. (Kamali, 1998) Ayat ini merupakan jaminan keamanan dan kestabilan kepada umat Islam selepas penderitaan mereka mempertahankan iman. Ia bukan perintah politik, tetapi janji bagi orang beriman yang melaksanakan amal salih. (Ibn Kathir: 6, 77) Maka, dakwaan ekstremis bahawa ayat ini menjadi asas kewajipan menegakkan sistem khilafah tunggal adalah penyelewengan yang menyalahi pandangan ulama muktabar.

HADIS: “AKU DIPERINTAHKAN UNTUK MEMERANGI MANUSIA...”

Ibn Umar RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: “*Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasul Allah...*”

(al-Bukhari, 2012: *Kitāb al-Īmān*, Bāb *Fa-in tābū wa aqāmū al-ṣalāh wa ātaw al-zakāh fa-khallū sabīlahum*, Hadis no. 25)

Hadis di atas menjadi sandaran golongan ekstremis untuk membenarkan pembunuhan terhadap bukan Islam sehingga mereka memeluk Islam. (Saeed & Saeed, 2004) Perkataan *uqātīla* menunjukkan bentuk *mufā‘alah* (interaksi dua pihak), bukan pembunuhan secara sebelah pihak di mana pihak dibunuh tidak mampu untuk melawan seperti dinyatakan dalam analisis ayat 190 Surah al-Baqarah. Sudut linguistik di atas dengan jelas menyatakan konteks Hadis di mana Islam mengharuskan berperang dengan orang bukan Islam, bukan diharuskan membunuh orang bukan Islam. (Al-’Asqalani, 1390H: 1, 76)

HADIS: " PERINTAHKAN KEBAIKAN DAN CEGAHLAH KEMUNGKARAN

Abu Said al-Khudri RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: Sesiapa dalam kalangan kamu melihat suatu kemungkaran, hendaklah dia halang dengan tangannya.

(Muslim, *Kitāb al-Īmān*, Bāb *Bayān Kawn al-Nahy ‘an al-Munkar min al-Īmān*, Hadis no. 49)

Kata kerja *yughayyirhu* berasal dari akar kata *ghayr*, yang membawa maksud mengubah, mengelokkan dan

menukar kepada sesuatu yang lain. (Ibn Manzur, 1414H: 5, 39) Oleh itu Hadis di atas bukanlah justifikasi mutlak untuk mengharuskan penggunaan kekerasan kepada mereka yang dianggap melakukan dosa, kerana tujuan utama mengubah adalah untuk tujuan memperbaiki keadaan pihak terlibat, bukan semata-mata menghentikan perbuatan dosa.

Maksud ini dijelaskan lagi dengan konteks Hadis yang menunjukkan perintah ini bersifat bertahap iaitu dengan tangan (kuasa), lidah (nasihat), atau hati (penolakan moral). (Kamali, 2002) Oleh sebab itu, sekiranya dikhuatiri pencegahan kemungkaran menggunakan kekerasan akan menyebabkan kesan lebih buruk daripada perlakuan dosa itu sendiri, hanya pihak kuasa sahaja dibenarkan untuk menggunakan kekerasan. Sekiranya tegahan melalui kekerasan akan menyebabkan kemungkaran lebih buruk, maka tegahan cukup dilakukan dengan lisan. (al-Nawawi, 1392H: 2, 25) Tafsiran golongan ekstremis terhadap Hadis di atas sebagai kewajipan mutlak untuk menggunakan kekerasan dalam menegakkan kebenaran, termasuk membunuh atau menyerang mereka yang dianggap melakukan dosa adalah bercanggah dengan kaedah *tadarruj* seperti dinyatakan ulama muktabar. (Rashid, 2000)

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan kefahaman ekstremisme dalam Islam muncul akibat kejahilan dalam memahami linguistik dan konteks teks wahyu sehingga melahirkan tafsiran bercanggah dengan ulama muktabar. Selain itu, konteks zaman turut memainkan peranan penting dalam memilih tafsiran ulama muktabar agar kefahaman diperolehi selari dengan lima *maqasid* syariah. Justeru kajian mencadangkan beberapa saranan:

1. Pengukuhan integrasi linguistik dan konteks dalam pembelajaran tafsir al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Ini kerana pembelajaran tafsir dan Hadis sering berdiri dengan sendiri sehingga permasalahan bahasa dan sebab turun ayat atau sebab kemunculan Hadis dikesampingkan.
2. Penekanan terhadap *maqasid* syariah perlu diberikan bukan sahaja kepada subjek pengkhususan syariah dan fiqah, sebaliknya perlu diperluaskan kepada setiap individu Muslim melalui adaptasi elemen *maqasid* dalam pembelajaran peringkat sekolah dan peringkat tinggi.
3. Pembangunan program deradikalisasi perlu berteraskan kefahaman sebenar terhadap teks wahyu menurut pandangan ulama muktabar, bukan sekadar nasihat moral dan aktiviti keagamaan.
4. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menganalisis kayu ukur dalam meletakkan suatu kefahaman itu ekstremis atau masih dalam kerangka khilaf dibenarkan dalam Islam.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, khususnya Pusat Penyelidikan dan Inovasi atas peluang perkongsian ilmu di peringkat nasional. Turut dizahirkan setinggi penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis atas sokongan berterusan kepada UniSIRAJ dalam melahirkan tokoh cendekiawan dan mendidik generasi akan datang.

RUJUKAN

- al-'Abbad, A. M. bin H. (n.d.). *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. <http://www.islamweb.net>. <https://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=lecview&sid=317&read=0&kh=0&lg=337>
- al-'Asqalani, A. bin 'Ali bin H. (n.d.). *Fath al-Bari*. al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Bukhari, A. 'Abdillah M. bin I. (2012). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ta'sil.
- al-Hajjaj, M. bin. (1955). *Sahih Muslim* (Muhammad Fu'ad Abdul Baqi (ed.)). Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- al-Mubarakfuri, S. al-R. (2002). *al-Rahiq al-Makhtum*. Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Y. bin S. (1392H). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- al-Tabari, M. bin J. (2001). *Tafsir al-Tabari* (A. bin A. M. Al-Turkiyy (ed.)). Dar Hajar.
- Bonner, M. (2006). *Jihad in Islamic History: Doctrines and Practice*. Princeton University Press. <https://www.jstor.org/stable/j.ctt7sg8f>
- Calvert, J. (2018). *Sayyid Qutb and the Origins of Radical Islamism*. Hurst.
- David Cook. (2005). *Understanding Jihad*. University of California Press. <https://www.jstor.org/stable/10.1525/j.ctt1ppjtw>
- Ibn 'Usfur, 'Ali bin Mu'min. (1996). *al-Mumti'al-Kabir Fi al-Tasrif*. Maktabah Lubnan.
- Ibn Kathir, I. bin 'Umar. (1999). *Tafsir Ibn Kathir* (S. bin M. Al-Salamah (ed.); 2nd ed.). Dar Tayyibah.
- Ibn Manzur, M. bin al-M. (n.d.). *Lisan al-Arab* (3rd ed.). Dar Sadir.
- John W. Creswell; Cheryl N. Poth. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Kamali, M. H. (2002). *Freedom, Equality and Justice in Islam*. Islamic Texts Society. <https://doi.org/https://doi.org/10.35632/ajis.v20i3-4.1833>
- Lakhani, M. A., Shah-Kazemi, R., & Lewisohn, L. (2006). *The sacred foundations of justice in Islam : the teachings of 'Alī ibn Abī Ṭālib*. 176.
- Rashid, A. (2000). *Taliban: Militant Islam, Oil and Fundamentalism in Central Asia*. Yale University Press.
- Saeed, Abdullah, Saeed, H. (2004). *Freedom of Religion, Apostasy and Islam*. Routledge.
- Saeed, A. (2013). *Reading the Qur'an in the Twenty-First Century A Contextualist Approach*. Routledge.
- Safi, M. (1995). *al-Jadwal Fi I'rab al-Quran* (3rd ed.). Dar al-Rasyid.
- Wagemakers, J. (2012). *Aquietist jihadi: The ideology and influence of Abu Muhammad al-Maqdisi*. Cambridge University Press. <https://doi.org/https://doi.org/10.1017/CBO9781139135368>